

Polis Kedah rampas dadah RM10 juta

Padang Terap: Dua lelaki warga Thailand ditahan di Padang Sanai, dekat sini kelmarin, ketika cuba membawa masuk dadah jenis heroin seberat lebih 100 kilogram bernilai kira-kira RM10 juta.

Kedua-dua lelaki berusia 30-an itu dipercayai menjadi penghantar dadah ke negara ini.

“Mereka ditahan pada jam 8 malam semalam (kelmarin), ketika memandu Proton Wira Aeroback membawa dadah.

“Suspek disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952,” kata sumber ketika dihubungi, semalam.

Sidang media berkaitan kes itu akan diadakan Ketua Polis Kedah, Datuk Hasanuddin Hassan, hari ini.

Terdahulu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata hasil tindakan pantas pihaknya mengerahkan pasukan operasi daripada pelbagai jabatan ke sempadan negara, polis merampas 100 kilogram heroin dianggarkan bernilai RM10 juta petang kelmarin.

Selain Unit Komando 69, polis juga mengerahkan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JS-JN) serta Kenderaan Perisai tambahan ke kawasan sempadan Malaysia-Thailand, susulan serangan penyeludup terhadap anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) kelmarin.